

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Syarikat seratus peratus (100%) milik warganegara** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dalam Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi menyertai sebut harga seperti berikut :

NO. SEBUT HARGA	TAJUK DOKUMEN SEBUT HARGA	TARAF	TARIKH DOKUMEN SEBUT HARGA DIJUAL, TARIKH TUTUP SEBUT HARGA & NO. PETI SEBUT HARGA	WAKTU JUALAN, TEMPAT DOKUMEN SEBUT HARGA DIJUAL & TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA	SIJIL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)	BAYARAN DOKUMEN
SPP/SH/29000/2 2(US)/2023	PERKHIDMATAN KAWALAN SERANGGA/HAIWAN PEROSAK DI BANGUNAN SEKITAR KAMPUS DAN LOT SETAPAK (NO LOT 201345) UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA KUALA LUMPUR	Terbuka	Tarikh Pamer Naskah Meja : 17 MEI 2023 Tarikh Jual Sebut Harga : 22 MEI 2023 hingga 26 MEI 2023 Tarikh Tutup Sebut Harga : 30 MEI 2023 No. Peti Sebut Harga : No.1 Tarikh Taklimat dan Lawatan Tapak : 22 MEI 2023 - ISNIN (WAJIB)	Waktu Pejabat : Isnin - Khamis 9.00 pagi hingga 3.00 petang Jumaat 9.00 pagi hingga 12.00 tengahari Tempat Jual Sebut Harga : Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur Tempat Tutup Sebut Harga : Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur	Bekalan dan Perkhidmatan Bidang : 22 - Perkhidmatan Sub Bidang : 09 - Pengawalan dan Pengawasan Pecahan Sub Bidang : 01 - Kawalan Serangga Perosak/Anti Termite 220901 - Kawalan Serangga Perosak/Anti Termite	RM50.00 senaskah (Tidak akan dikembalikan) Pembayaran adalah secara atas talian melalui pautan : https://ecommerce.utm.my/v2/  *Manual Pembayaran Dokumen Tawaran Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur ATAU Draf Bank atas nama Bendahari Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur

2. Dokumen Tawaran boleh didapati dengan membuat bayaran secara atas talian melalui pautan : **<https://ecommerce.utm.my/v2/>** atau draf bank atas nama Bendahari Universiti Teknologi Malaysia Kuala Lumpur dan hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang namanya tercatat dalam **Sijil Pendaftaran MOF** sahaja. Kontraktor hendaklah membawa bersama **resit asal pembayaran, Sijil Asal Pendaftaran MOF** serta satu set salinan fotostat bagi dokumen tersebut semasa membeli dokumen tawaran.

3. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga No. 1 di Unit Kontrak dan Perolehan, Aras 4, Blok PA, Seksyen Projek dan Penyenggaraan, Bahagian Pengurusan Aset, Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) UTM Kuala Lumpur** tidak lewat dari tarikh dan masa tutup iaitu **sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan **tidak akan dipertimbangkan**.

4. Penyebut harga adalah **DIWAJIBKAN** menghadiri satu taklimat dan lawatan ke tapak bina yang akan diadakan pada **22 MEI 2023 (ISNIN) jam 3.00 petang di Dewan Jumaah Blok PA1 UTM Kuala Lumpur**. Kontraktor boleh terus menghubungi Pegawai bertanggungjawab iaitu **EN. MUHAMMAD SYAHIR BIN ROSDIN** di talian **03 - 2615 4827/4603**. Dokumen tawaran boleh dibeli selepas taklimat dan lawatan tapak. Hanya penama di dalam sijil pendaftaran sahaja yang boleh menghadiri taklimat dan lawatan tapak serta tidak boleh mewakili pegawai lain selain daripada penama yang dibenarkan. Hanya kontraktor yang hadir taklimat dan lawatan tapak sahaja layak membeli dokumen. Penyebut harga diingatkan supaya mengambil maklum mengenai maklumat yang terdapat pada iklan ini sebelum membuat bayaran pembelian dokumen.